

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 31/08/2017      |

## Dr. M hanya beri reaksi biasa - Clifford

UM - 31/8/2017 M. 6

**PUTRAJAYA 30 Ogos** - Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dimaklumkan mengenai kerugian sehingga RM30 bilion dialami Bank Negara Malaysia (BNM) dalam urus niaga mata wang asing pada akhir 1993.

Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Clifford Francis Herbert (**gambar**) berkata, beliau bersama Menteri Kewangan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memaklumkan perkara itu kepada Dr. Mahathir di Pejabat Perdana Menteri.

"Respon Dr. Mahathir adalah dengan berkata 'kadang-kadang kita buat keuntungan dan kadang-kadang kita buat kerugian,'" katanya dalam keterangan kepada prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat kes kerugian akibat urus niaga mata

wang asing oleh BNM sekitar tahun 1990-an di Istana Kehakiman di sini hari ini.

Clifford memberitahu, beliau menjangkakan bekas Perdana Menteri itu akan memberi reaksi marah, namun hanya berkelakuan seperti biasa dan tidak memberi arahan lanjut.

Menurutnya, beliau mengetahui kerugian itu akhir 1993 selepas diarahkan Anwar untuk memeriksa perkara tersebut.

Katanya, beliau meminta daripada Setiausaha Lembaga Pengarah BNM maklumat aktiviti itu, sebelum melaporkannya kepada Anwar.

Tambahnya, beliau juga ada



berbincang dengan Gabenor BNM ketika itu, Tan Sri Jaffar Hussein bagi menyediakan nota kepada Anwar untuk jawapan di Parlimen.

"Tan Sri Jaffar memberitahu saya, kebanyakan bank pusat lain ketika itu turut mengalami kerugian akibat perdagangan mata wang asing

berikutan pasaran tidak menentu," katanya.

Sementara itu, kata Clifford, beliau tidak mengingati sama ada bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid atau Datuk Dr. Awang Adek Husin yang berada dalam penerbangan ke Hawaii bagi memberi

penerangan kepada Anwar mengenai kerugian BNM.

"Kami menasihatkan Datuk Seri Anwar yang beliau sepatutnya meminta Tan Sri Nor Mohamed Yakcop meletakkan jawatan kerana pada pengetahuan saya, dia yang bertanggungjawab ke atas kerugian BNM," katanya yang memberitahu, Anwar bersetuju dengan nasihat itu.

Mengenai pertemuan dengan bekas Timbalan Gabenor BNM, Tan Sri Dr. Lin See Yan, Clifford berkata, mereka bersetuju langkah menyelesaikan masalah BNM adalah memindahkan pegangan saham Kementerian Kewangan dalam Telekom Malaysia (TM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada BNM.